

HAD TEMPOH PANGGILAN MUALLAF

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

HAD TEMPOH PANGGILAN MUALLAF

- (1) Tempoh maksima 5 tahun diberikan untuk panggilan muallaf berdasarkan 'uruf dengan syarat mengikuti kelas-kelas agama yang diiktirafkan/ dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- (2) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga bertanggungjawab membiayai segala kos pembelajaran bagi muallaf-muallaf tersebut.

Status: Warta

Tarikh Warta: 25 Oktober 2007

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor